

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK FOH  
[SANDAKAN]**

**RUJUKAN : 8737**

**SOALAN :**

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan] minta MENTERI  
DALAM NEGERI menyatakan levi pekerja asing yang sudah dikutip  
oleh Kerajaan Persekutuan setiap tahun sejak tahun 2010 hingga  
sekarang dan mengikut pecahan industri-industri pekerja asing serta  
negara asal pekerja asing.**

**JAWAPAN :**

Kerajaan mengenakan bayaran levi pengambilan pekerja asing berdasarkan sektor. Jumlah levi yang dikutip oleh Kerajaan daripada pekerja asing mengikut tahun 2010 hingga 2015 adalah seperti berikut:

<b>TAHUN</b>	<b>JUMLAH KUTIPAN LEVI (RM)</b>
<b>2010</b>	<b>1,516,354,837.29</b>
<b>2011</b>	<b>1,807,559,238.97</b>
<b>2012</b>	<b>2,618,101,763.53</b>
<b>2013</b>	<b>2,423,003,405.28</b>
<b>2014</b>	<b>2,637,594,587.09</b>
<b>2015</b>	<b>2,254,148,205.66</b>